

# HARI BUMI 2020

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis

April 2020

## “Tindakan Menangani Perubahan iklim”

22 April telah diisyiharkan sebagai Hari Bumi di seluruh dunia. Sempena sambutan ini, pelbagai program dan aktiviti telah diadakan bagi menterjemahkan pemahaman setiap individu dan kumpulan masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.

Tema sambutan Hari Bumi bagi tahun 2020 adalah “Tindakan Menangani Perubahan Iklim” atau “Climate Action”, mengajak seluruh masyarakat dunia untuk mengambil tindakan dalam membina alam sekitar yang lestari.

### Bagaimana di Perlis?

Dalam menyambut saranan kerajaan bagi menjayakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perlis mengambil pendekatan melaksanakan aktiviti kitar semula di rumah, dengan penglibatan kakitangan JAS Perlis bersama keluarga di rumah masing-masing.



### TAHUKAH ANDA?

*Hari Bumi akan disambut untuk kali ke 50 pada 22 April 2020.*

### BERTINDAK SEKARANG!!!!

#### Dalam Isu Ini

- Kitar Semula Non-Woven Bag Kepada Apron
- Hijaukan Bumi



Cara mengubah *non-woven bag* kepada apron.

## Hijaukan Bumi

Selaras dengan tema sambutan Hari Bumi pada tahun ini iaitu “*Climate Action*”, kakitangan JAS Perlis turut sama menjalankan aktiviti menghijaukan bumi bersama keluarga menggunakan bahan yang boleh dikitar semula.

Antara bahan kitar semula yang digunakan untuk aktiviti ini ialah bekas cat, susu dan minyak, tayar, bekas telur dan bekas polisterina.

Semoga usaha kecil ini dapat menyumbang kepada penurunan suhu dunia pada masa akan datang disamping menanam semangat cintakan alam kepada seisi keluarga.



## Kitar Semula *Non-Woven Bag* Kepada Apron.

Pada masa kini, kebanyakan jabatan kerajaan, swasta, industri malah penjual produk lebih cenderung menyediakan *non-woven bag* sebagai cenderahati. Tanpa disedari, beg ini semakin banyak terkumpul. Ianya boleh digunakan sebagai beg membeli-belah bagi mengantikan beg plastik yang diketahui ramai telah menjadi punca utama kepada pencemaran alam sekitar. Bagaimanapun, sesetengah beg berkenaan tidak digunakan dan dibiarkan begitu sahaja tanpa pengurusan yang sewajarnya. Jadi, apa salahnya jika kita mengubah beg ini menjadi sesuatu yang lebih bermanfaat. Jom lakukannya.

- Pilih beg yang masih boleh digunakan. Sesetengah beg diperbuat daripada bahan yang boleh terdegradasi.
- Leraikan setiap bahagian beg. Kekalkan tali pemegang di bahagian muka depan bag untuk dijadikan tali penyangkut kepala apron.
- Lipat bahagian tepi kain *non-woven* dengan jahitan.
- Jahitkan tali di bahagian kiri dan kanan apron. Tali ini akan digunakan sebagai pengikat apron.
- Siap! Anda boleh menggunakan beg dengan saiz yang berbeza mengikut keperluan masing-masing.

SELAMAT MENCUBA!!



Aktiviti-aktiviti menghijaukan bumi menggunakan bahan kitar semula yang dijalankan oleh kakitangan JAS Perlis bersama keluarga sempena sambutan Hari Bumi 2020.

## Pengasingan Sisa

Sempena pelaksanaan PKP ini, ramai mengambil kesempatan untuk menjalankan aktiviti membersihkan rumah atau 5S (sisih,susun, sapu, seragam, sentiasa amal), memandangkan sebelum ini masa agak terhad untuk melaksanakan aktiviti ini.

Sehubungan itu, kakitangan JAS Perlis juga tidak melepaskan peluang untuk mengumpul barang yang boleh dikitar semula di rumah masing-masing. Antara barang yang boleh diasingkan ialah minyak masak terpakai, plastik, kertas, kaca, tin dan aluminium.

Semoga aktiviti ini dapat diadakan secara berterusan pada masa akan datang dan menjadi amalan seisi keluarga dalam usaha




Program pengasingan sisa oleh kakitangan JAS Perlis.

## Idea Kreatif—Aktiviti Bersama Keluarga

Tempoh masa yang ada sepanjang PKP ini juga boleh dimanfaatkan dengan sebaiknya dengan mencungkil bakat terpendam yang ada di kalangan ahli keluarga. Anak-anak mungkin punya banyak idea kreatif yang boleh ditonjolkan.

Ternyata anak-anak kakitangan JAS sangat berbakat dalam merekacipta menggunakan bahan yang boleh dikitar semula. Bahan yang digunakan adalah kertas, botol plastik dan sisa kayu. Berikut antara hasil daya kreativiti ahli keluarga kakitangan JAS yang berjaya dikumpulkan.



Antara hasil kreativiti kakitangan JAS Perlis dan ahli keluarga menggunakan bahan kitar semula.

**KETAHUILAH!!**  
**BUMI YANG KITA DIA-**  
**MI HARI INI ADALAH**  
**PINJAMAN DARI ANAK**  
**CUCU KITA..**  
**PELIHARA**  
**DENGAN**  
**SEBAIKNYA.**

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبُوا أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ

الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

( Surah Ar-Ruum 30:41)

**Disediakan oleh:**

**UNIT PENDIDIKAN**

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS**